

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
[KOTA TINGGI]

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bilakah penambahan barangan kawalan akan dilaksanakan dan apakah barangan yang bakal dimasukkan di bawah kawalan.

JAWAPAN:

Barang kawalan merupakan barangan yang diisytiharkan sebagai barang kawalan di bawah seksyen 5, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan tujuan utama barangan ini diisytiharkan sebagai barang kawalan adalah bagi memastikan bekalan barangan tersebut sentiasa ada dan mencukupi untuk keperluan pengguna. Pada masa ini, terdapat 22 barangan yang diisytiharkan sebagai barang kawalan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan 12 daripada barangan tersebut merupakan barang kawalan berjadual yang memerlukan lesen daripada Pengawal Bekalan Malaysia bagi sebarang urusanniaga melibatkan barangan tersebut. Sejumlah 5 barangan kawalan juga dikawal harga melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi memastikan barangan terlibat dijual pada harga yang berpatutan bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Senarai barang kawalan ini disemak dari semasa ke semasa dan dikemaskini mengikut keperluan.

Terkini, kerajaan sedang meneliti beberapa item keperluan pengguna untuk ditambah ke dalam senarai barang kawalan dan senarai barangan tersebut dijangka akan dimuktamadkan dalam masa terdekat. Penambahan senarai barangan kawalan yang baharu (sekiranya ada) akan diwartakan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan mana-mana pihak yang mempunyai urusanniaga melibatkan barangan kawalan ini perlu mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah akta dan peraturan yang dinyatakan.